


Bahagian A

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa




Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Izinkan _____ menyertai angkatan perang kita ke Siam, tuanku," sembah Merah Sulung kepada sultan.
A hamba C saya
B patik D beta

2.



Jurulatih itu menggunakan _____ untuk mencatat kepantasan larian anak buahnya semasa ujian kecergasan.

- A jam randik C jam tangan
B jam loceng D jam dinding

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

3. I Ayah aktif dalam *lapang* sukan semasa zaman mudanya.
II Setiap petang, abang dan kawan-kawannya bermain bola di *lapang* rumah.
III Ruang utama dewan yang baru dibina itu *lapang*.
IV *Lapang* hati ibu apabila mendapat tahu bahawa kakak tidak terlibat dalam kemalangan itu.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

4. I Kebanyakan siswazah berazam untuk memperoleh *kedudukan* yang lebih baik dalam alam pekerjaan.
II Pihak polis telah mengesan *kedudukan* perompak yang diburu itu.
III *Kedudukan* almari di ruang tamu telah diubah oleh ibu.
IV Tuk Rahim mengalami sakit lutut akibat jatuh *kedudukan* semasa hendak melintas jalan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Beberapa orang tetamu kehormat telah dijemput ke majlis perkahwinan anak Tan Sri Ahmad.
A Beberapa orang tetamu-tetamu
B Berapa orang tetamu-tetamu
C Berapa orang tetamu
D Beberapa orang tetamu



6. Semua mangsa banjir itu ditempatkan ke pusat pemindahan sementara supaya keadaan pulih seperti sediakala.
- A ke pusat pemindahan sementara sehingga
 B di pusat pemindahan sementara supaya
 C di pusat pemindahan sementara sehingga
 D ke pusat pemindahan sementara supaya

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Dahinya yang luka itu kena jahit semalam.
 II Beg yang berat itu tidak terangkat oleh Afif.
 III Badannya letih lesu selepas bekerja di ladang sepanjang hari.
 IV Pintu yang rosak itu telah dibaiki oleh kami dua hari yang lalu.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
8. I Kakak menghadiahi adik sebiji buku cerita bersempena dengan hari lahirnya.
 II Setiap hujung minggu, ayah akan membawa kami sekeluarga beriadah di taman.
 III Banyak orang sedang beratur di kaunter itu untuk membeli tiket wayang.
 IV Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah berusaha untuk mengekalkan kemerdekaan negara.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Penduduk Taman Makmur digesa agar menjaga kebersihan kawasan kediaman masing-masing untuk mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.

- A Nyamuk aedes hanya membiak di kawasan yang tidak dibersihkan oleh penduduk Taman Makmur.
 B Pembiakan nyamuk aedes berlaku kerana penduduk Taman Makmur tidak digesa untuk menjaga kebersihan kawasan kediaman mereka.
 C Demi memastikan nyamuk aedes tidak membiak, penduduk Taman Makmur diminta supaya menjaga kebersihan kawasan rumah mereka.
 D Gesaan menjaga kebersihan kawasan kediaman hanya diberikan kepada penduduk Taman Makmur ekoran pembiakan nyamuk aedes di rumah masing-masing.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Bagai tikus membaiki labu

10. Peribahasa di atas membawa maksud
- A membetulkan barang yang tidak diketahuinya, akhirnya merosakkan barang itu.
 B mencuba untuk membuat sesuatu yang tidak penting.
 C mengambil tahu hal dan masalah orang lain.
 D menyembunyikan kebolehan yang dimiliki.



Pemahaman Petikan

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

Kuingin Berterima Kasih

Sesekali kuingin berterima kasih
kepadamu hujan bagai tetamu
jiwa pun menjadi dingin
api amarah pun terpadam.

Sesekali kuingin menyemai budi
kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu
ikan-ikan yang riang
liar di belantara samudera
kerana sudi membebaskan derita
nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum
kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya.

Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerahkan keinsafan
kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini.

Dipetik daripada Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Mengapakah penyajak ingin mengucapkan terima kasih kepada hujan?
A Membebaskan derita nelayan
B Menyuburkan tanaman petani
C Meredakan kemarahan manusia
D Memadamkan perasaan benci manusia
12. Yang berikut ialah harapan penyajak, **kecuali**
A berbudi kepada tanah.
B membahagiakan orang lain.
C menghargai jasa pejuang negara.
D mengisi kekosongan hidup orang lain.
13. Apakah kepentingan samudera kepada nelayan?
A Meningkatkan taraf hidup
B Membekalkan hidupan laut

- C Menghilangkan penderitaan
D Menyelesaikan masalah kewangan

14. Pilih nilai yang **tidak** terdapat dalam sajak di atas.
A Berdikari
B Patriotisme
C Kesyukuran
D Kasih sayang

kepadamu hujan bagai tetamu

15. Apakah gaya bahasa yang terdapat dalam baris sajak di atas?
A Simile
B Metafora
C Hiperbola
D Personifikasi